


Perintah Persaingan, 2015 melarang perjanjian anti-persaingan di antara peniaga. Perniagaan awda berisiko melanggar Perintah Persaingan jika ianya terlibat dengan mana-mana perbincangan mengenai perjanjian anti-persaingan.



**Mengadakan perbincangan  
perniagaan bersama pesaing awda?**

**Ketahui perbincangan yang dilarang  
di bawah Perintah Persaingan, 2015**


## ➤ Perbincangan untuk menetapkan harga



*Eh, cemana  
kalau kitani  
semua setuju  
untuk samakan  
harga jualan?  
Kalau cani, inda  
payah kitani  
bersaing harga.*

## ➤ Perbincangan untuk menghadkan bekalan

*Ji, cuba kitani hadkan saja jumlah kuantiti jualan produk kitani? Biar harga produk yang kitani jual makin naik.*



## ➤ Perbincangan untuk berbagi pasaran

*Bro, macamana kalau kitani bebagi tempat jualan? Aku jual di Kampong A, kita di Kampong B. Inda payah kitani berabut pelanggan.*



## ➤ Perbincangan untuk menipu bidaan

*Boss, kitani pakat-pakat lah siapa menang tender ani. Round ani, bagi syarikat ku menang, next round syarikat kita lagi. Cana, on?*



*Saya tidak mahu  
terlibat dengan  
perbincangan ini*

**Berikut adalah perkara yang perlu dilakukan jika awda berada dalam perbincangan mengenai perjanjian anti-persaingan dengan pesaing awda:**

- Hentikan perbincangan dengan segera
- Jauhi diri awda dari perbincangan sedemikian
- Nyatakan bantahan awda dengan jelas

Kehadiran awda semasa perbincangan tersebut akan mengesahkan penglibatan perniagaan awda di dalam perjanjian anti-persaingan.